

CERPEN

# Narasi Tongariro dari Penjuru Disember Lalu

## Profil



**Mawar Safei**  
dilahirkan di Singapura pada 27 Februari 1971. Antara pengiktirafan terbaru diterima ialah Anugerah Sastera Johor 2015. Kini berkhidmat di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.



Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad melalui e-mel [bhsastera@bh.com.my](mailto:bhsastera@bh.com.my). Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabit menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan.

Tongariro. Itu tumpuan. Sejak beberapa minggu, malah bulan sebenarnya, dia melatih diri memanjat beberapa perbukitan lain. Dari Bukit Beacon, Tanjung Houghton, kaki lurah Kaukau sampai ke Te Kopahau. Paling tidak, waktu rehat tengah hari, membuang mengah dari ruang kerja, dia membuat pendakian kecil di curaman belakang kampus. Iklim tengah hari Tanah Selandia Baharu ternyata membenarkan dia meredah beluk anak bukit dengan ditemani hawa dingin alami musim luruh. Tongariro. Ya, di sinilah hasrat dipasakkan, di kaki gunung lipat Tongariro. Di anjung rumah persinggahan Jo Hardie, dari kerusi gergasi yang menjadi daya tarikan banyak pendaki, Tongariro seperti sekeping kanvas lukisan yang tidak mempunyai rangka kayu sama sekali. Sangat tidak bertepi. Melihat jalan jauh ke Tongariro, dia tahu, di puncak itu juga harapan dihimpunkan. Ya, di tampuk itu ada sesuatu yang dia mahu temukan. Ya, klise sekali apabila dalam setiap pendakian, maka titik itu menjadi impian.

Begitulah bacaan nurani perihal pendakian ini. Saya menerima hampir setiap minggu khabar tentang Tongariro. Narasi Tongariro, saya ikuti dari sini. Pendakiannya saya turut dalam diam dan berjarak antara benua dan segara yang panjang. Menyelak belaian puisi *Matharat al-Qulub*, saya sebenarnya turut mendaki dan merentas Tongariro Alpine bersama-samanya. Ya, saya ke Bukit Beacon, Tanjung Houghton, kaki lurah Kaukau sampai ke Te Kopahau. Saya juga bermula di kaki Tongariro, di rumah persinggahan Jo Hardie. Bersama-sama Imam al-Mawlud atau Hamza Yusuf, saya mengikuti jalan perlahan ke cerun, lurah, kerikil dan rumput kering sebelah lajang gergasi *toetoe*. Allah ya Allah. Saya, lelaki tua ini mengiringi dia dengan usia lelah. Waraskah?

Sambil dikerumuni kertas dan pertelingkahan di meja kerja, sesekali saya meninjau perbukitan kecil di seberang bangunan tempat saya menyudahkan tahun-tahun perkhidmatan yang berbaki sedikit masa lagi. Saya sedari genap jam empat atau paling tidak menjelang azañ Asar, dia sering datang

melayah dari sela perbukitan lalu singgah lewat jendela ruang kerja saya ini dan kemudian entah di mana pula hinggapnya. Ya, si Putih bersayap lebar. Di titik inilah jiwa saya selalu disapa Perempuan Bulan Penuh. Dia mungkin seusia anak gadis saya, hanya jika saya beristeri. Sedangkan hingga kini, saya, si peneliti manuskrip yang menjalani garis hidup sendiri. Baiknya, sepi dan sendiri sering membawa saya ke ruang penaakulan, melihat hidup dan jalan takdir dengan lebih dalam. Ternyata sepi dan diam dalam riuh rutinitas adalah satu anugerah. Ya, si Putih itu seperti Perempuan Bulan Penuh, datangnya sekejap bukan untuk terus menghinggap.

Memijak antara rumput kering dengan deru angin musim panas Disember ini, membawa dia mendongak ke langit tona biru yang mencair apabila menuju garis Mangatepopo, pintu sebelum memasuki laluan menuju Krater Merah. Allah, beri kekuatan kepada Perempuan Bulan Penuh. Ya, masih dia Perempuan Bulan Penuh si Pemetik Harpa yang memukau kehidupan senja saya. Rupa-rupanya bukan hanya saya tahu rutinitasnya di hujung aras paling atas perpustakaan tempat dia bekerja merapikan manuskrip purba. Rupa-rupanya bukan hanya saya tahu kehidupannya malamnya di dewan kesenian negeri dengan memetik harpa bertali tipis. Rupa-rupanya dengan lembut dan redup susuk, dia juga mencintai pendakian beberapa bukit dan gunung di daerah selatan Pulau Utara. Aneh, saya tidak pernah tahu dia secekal itu, walau katanya dia sangat alah dengan panas matahari sepertimana dia alah pada keangkuhan. Layaklah dia saya gelar Perempuan Bulan Penuh. Wajah rembulannya menjadi lingkungan hati saya berteduh walau lelah, walau payah.

"Ternyata memanjat ke puncak merupakan satu penyembuhan, Tuan. Ya, bunyinya seperti menyitir saat saya bersama-sama harpa. Sedang ia pasti saja tidak dapat menandingi bacaan surah berjadual saya setiap sebelum fajar. Namun semakin jauh saya meninggalkan rumah Jo Hardie melalui segala jalan perih, saat berat kaki sudah seperti bongkah batu yang melekat, nurani saya banyak berkata-kata. Ketika itu tidak ada teknologi yang boleh

menghubungkan kita, Tuan. Yang kita punya hanya nurani yang saling menyapa. Adakah segala-galanya itu hinggap di mata kalbu, Tuan? Adakah Tuan mendengar dalam diam betapa akar keperihan jiwa adalah apabila rasa cinta terhadap dunia yang sementara ini, melangkahi semua yang ada." Allah ya Allah.

Itulah laungan paling tepat. Perempuan Bulan Penuh berkisah, tidak jarang ketakutan datangnya menderu saat menjenguk lurah gunung lipat di wilayah Manawatu-Wanganui ini. Tongariro masih tumbuh dengan jurang dan lekuk yang memungkinkan isinya meruap lagi. Bagaimana

ia meledak tiba-tiba dan berlaku goncangan dan dia tercampak ke tumit atau mungkin sahaja ke pintu rumah Jo Hardie semula. Apa lagi yang dia dapat perbuat selain melakukan penyerahan. Ia sangat seluruh. Doa Nabi Yunus yang teringat ketat. Tidak ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau, ya Allah. Maha Suci Allah. Sesungguhnya aku antara orang-orang yang berbuat zalim. Dia mengujarnya sungguh-sungguh, saat kaki sudah terikat pada bongkah batu gergasi. Cukuplah Allah dan Dia sebaik-baik pelindung. Perempuan Bulan Penuh sangat patuh untuk menyerah dengan seluruh!



TONGARIRO  
ALPINE  
CROSSING